

Tahap kemiskinan berkurangan: Taib

BH 18 SEP 2001

SIBU, Isnin – Nikmat kemerdekaan terbesar yang dinikmati rakyat berbilang kaum di Sarawak sejak menyertai Malaysia 38 tahun lalu ialah peluang menentukan nasib dan masa depan mereka sendiri.

Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud, berkata sebaik Sarawak menyertai Malaysia, rakyatnya mendapat peluang memperjuangkan nasib sendiri dan mengubah nasib mereka.

“Jika sebelum merdeka tahap kemiskinan di Sarawak lebih 60 peratus, 38 tahun selepas merdeka iaitu pada hari ini, tahap kemiskinan berjaya dikurangkan kepada kurang daripada tujuh peratus,” katanya.

Beliau berucap pada majlis Perayaan 16 September dan Penuptan Perayaan Bulan Kemerdekaan Ke-44, di Dataran Sibu, di sini, malam tadi.

Majlis penuh warna warni yang disaksikan lebih 50,000 orang, disempurnakan oleh Yang di-Pertuan Agong, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Hadir sama, Permaisuri Agong, Tuanku Hajah Siti Aishah; Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Abang Muhammad Salahuddin dan isteri, Toh Puan Norkiah; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan is-

teri Ketua Menteri Sarawak, Puan Sri Laila Taib.

Abdul Taib berkata, termasuk ke dalam Malaysia membolehkan Sarawak mencapai kemajuan seperti yang disaksikan hari ini yang mana tidak ada rakyat sama ada di bandar atau pedalaman terpinggir daripada menerima arus pembangunan.

“Kerana Malaysialah, kami rakyat Malaysia di Sarawak sedar bahawa nasib serta masa depan kami terletak di tangan kami sendiri.

“Terserah kepada kami sebagai anak Sarawak menggunakan tenaga dan kebijaksanaan yang ada untuk menegakkan bentuk kehidupan kami sendiri sebagai sebahagian rakyat Malaysia,” katanya.

Beliau berkata, dengan kepimpinan bijaksana, terutama di bawah pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Sarawak dapat bersama-sama negeri lain mencapai kemakmuran dan kemajuan berbanding satu ketika dulu.

Mengenai pemilihan Sarawak sebagai tuan rumah perayaan itu, Abdul Taib berkata, ia peluang untuk anak Sarawak menunjukkan komitmen dan taat setia kepada Malaysia.

Beliau turut mengingatkan ba-

hawa kejayaan Sarawak pada masa depan terletak kepada sejauh mana penduduk negeri itu mampu menguasai teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Katanya, kerajaan negeri kini giat memperluaskan semua sekolah di Sarawak dengan kemudahan ICT, bagi memastikan pelajar-pelajarnya mampu menguasai teknologi berkenaan dan bersiap sedia menghadapi cabaran alaf baru ini.

Sementara itu, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, berkata kejayaan sesebuah negeri tidak hanya terletak kepada jumlah sumber asli atau kemudahan yang ada.

Sebaliknya, beliau berkata, ia banyak bergantung kepada kecekapan kerajaan menyelaraskan kemudahan sedia ada untuk kemakmuran rakyatnya.

“Rakyat Sarawak seharusnya berbangga akan fungsi yang telah mereka mainkan bersama-sama kerajaan sedia ada, sehingga dapat menikmati segala kemajuan, sama ada dalam bentuk fizikal, mahu pun mental.

“Jika hendak dibuat perbandingan, kemajuan dan kejayaan Sarawak dalam pelbagai bidang mengatasi beberapa negeri di Semenanjung,” katanya.
